

PANDUAN GAJI PERMULAAN

160 PEKERJAAN TERPILIH

BERASASKAN KEMAHIRAN

Edisi Pertama (2016)



- Berdasarkan pekerjaan yang popular dalam pasaran buruh semasa
- Disertakan deskripsi tugas am
- Disertakan pekerjaan dengan kelayakan yang dipersijilkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

KANDUNGAN



PERUTUSAN MENTERI SUMBER MANUSIA	i
PRAKATA KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	iii
BAB 1 PENGENALAN	
Panduan Gaji	2
Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia	3
Ringkasan Tajuk Pekerjaan	3
Gaji Pokok Permulaan	4
Gaji Pokok Permulaan dan Alfa (α)	4-6
Pensijilan Kemahiran Malaysia	7
Kumpulan Sasar	8
BAB 2 TAJUK PEKERJAAN	
Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 (SKM T1)	10-11
Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 (SKM T2)	12-15
Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (SKM T3)	16-27
Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 (DKM T4)	28-31
Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia Tahap 5 (DLKM T5)	32-35
Pensijilan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	36-40
BAB 3 LAMPIRAN	
Indeks	42-46
Senarai Institusi Latihan Kemahiran Awam	47-49
Rujukan	50
Penghargaan	51



PERUTUSAN

Menteri Sumber Manusia

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang dilaksanakan dalam tempoh tahun 2016–2020 merupakan anjakan paradigma akhir yang memacu Malaysia menuju status negara berpendapatan tinggi yang terangkum dan mampan menjelang tahun 2020. Selaras dengan itu, ketersediaan pekerja berkemahiran merupakan antara elemen terpenting bagi menjana, mengekal dan memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi negara yang sedang beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi dan aktiviti berintensifkan modal, teknologi dan berpengetahuan.


Menjelang tahun 2020, pekerja berkemahiran tinggi diunjurkan merangkumi 35% daripada tenaga kerja negara. Di bawah RMKe-11, sebanyak 60% daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan memerlukan kelayakan berkaitan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), menjadikan TVET sebagai platform penting bagi meningkatkan tenaga kerja mahir. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menetapkan aspek pembangunan modal insan negara sebagai satu daripada enam teras strategik RMKe-11, yang antara lain memberi fokus utama kepada usaha mentransformasi TVET untuk memenuhi keperluan industri. Dalam hal ini, penerimaan terhadap lulusan Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia merupakan antara faktor penting bagi menilai keberkesanan program TVET dalam memenuhi permintaan dan keperluan sebenar pihak industri.

Penerbitan buku *Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Pertama (2016)* oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) merupakan satu langkah yang dapat menyokong strategi memperkukuh penjenamaan dan profil TVET seperti yang dinyatakan dalam RMKe-11. Penerbitan ini merupakan satu usaha permulaan KSM untuk mengesyorkan kadar gaji pokok permulaan yang setimpal dengan kemahiran yang dimiliki oleh lulusan Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia. Panduan ini memaparkan gaji pokok permulaan berdasarkan kadar gaji minimum RM1,000.00 mulai 1 Julai 2016.

Saya menyeru semua pihak, khususnya majikan agar dapat menerima baik penerbitan Panduan ini dengan melaksanakan kadar gaji pokok permulaan yang disyorkan, malah menawarkan kadar gaji pokok permulaan yang lebih tinggi agar dapat meningkatkan motivasi dan produktiviti pekerja.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan ini termasuklah ahli Jawatankuasa Panduan Gaji yang terdiri daripada wakil pelbagai agensi-agensi Kerajaan dan Institusi Latihan Kemahiran Awam dan Swasta. Berbanyak terima kasih kepada pihak industri dan kesatuan sekerja yang telah memberi kerjasama kepada KSM untuk menerbitkan *Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Pertama (2016)* ini.

Sekian, terima kasih.



Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem



PRAKATA

*Ketua Setiausaha,
Kementerian Sumber Manusia*

Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan agensi Kerajaan berkaitan serta pihak industri berperanan penting dalam menganalisis keperluan tenaga kerja mahir negara seiring dengan era ekonomi berasaskan pengetahuan yang menyaksikan peningkatan permintaan bagi tenaga kerja mahir dalam bidang-bidang tertentu.

KSM mendapati kadar gaji yang ditawarkan bagi pekerjaan berasaskan kemahiran kurang setimpal dengan kelayakan yang dimiliki. Menyedari kepentingan memberi nilai kepada kemahiran yang dimiliki oleh bakal pekerja yang memiliki Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia, KSM mengambil inisiatif untuk menerbitkan *Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Pertama (2016)*.

Panduan ini mengandungi 160 tajuk pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran yang disertakan dengan deskripsi tugas, tahap kemahiran dan gaji pokok permulaan. Di samping itu, ia juga disediakan tanpa mengambil kira faktor-faktor seperti lokasi dan saiz syarikat, jenis industri dan keupayaan kewangan syarikat. Panduan ini juga mengesyorkan supaya lulusan kemahiran yang mempunyai lesen atau sijil kompetensi lain dibayar dengan gaji yang lebih tinggi.

Sebelum menerbitkan Panduan ini, KSM telah mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan, termasuklah Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI), Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) dan Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana Malaysia.

Semoga Panduan ini dapat diterima baik oleh semua pihak terutama majikan dan bakal pekerja dalam menetapkan gaji pokok permulaan yang sepadan dengan tahap kemahiran yang dimiliki.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan *Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Pertama (2016)*. Sekalung penghargaan dan tahniah kepada Sekretariat Penerbitan atas kejayaan menerbitkan Panduan Gaji ini.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, featuring a large, stylized loop at the top and a horizontal line extending to the right.

Dato' Sri Adenan bin Ab Rahman



BAB 1

Pengenalan



Panduan Gaji

- 1 Disenaraikan **160 tajuk pekerjaan kemahiran** yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran buruh semasa berserta **gaji pokok permulaan** mengikut tahap kemahiran. Pemilihan 160 tajuk pekerjaan ini merupakan inisiatif awal KSM dan akan dikemas kini dalam terbitan akan datang.
- 2 Dibangunkan khusus untuk **lulusan Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia atau setaraf dengannya**.
- 3 Disertakan dengan ringkasan **deskripsi tugas** yang mana penjelasan terperinci boleh didapati daripada Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) yang dibangunkan berasaskan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Antarabangsa (International Standard Classification of Occupations - ISCO) dan tahap kemahiran di bawah Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational Skills Standard - NOSS).
- 4 Sesetengah tajuk pekerjaan melibatkan **lebih daripada satu tahap kemahiran**.
- 5 Disertakan senarai **pekerjaan yang dipersijilkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)**. Pensijilan ini diberikan kepada individu yang mempunyai kelayakan, pengalaman, kepakaran dan pengetahuan dalam bidang yang diperlukan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139).

Sijil (SKM), Diploma (DKM) dan Diploma Lanjutan (DLKM) Kemahiran Malaysia

Lulusan Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia, iaitu:

- 1 **Sijil Kemahiran Malaysia** Tahap 1, 2 dan 3 (SKM T1, SKM T2 dan SKM T3);
- 2 **Diploma Kemahiran Malaysia** Tahap 4 (DKM T4) atau Diploma Vokasional;
- 3 **Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia** Tahap 5 (DLKM T5); atau
- 4 **Kelayakan lain** yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Badan Akreditasi.

Badan Akreditasi merujuk kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melalui Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652); atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679).

Ringkasan Tajuk Pekerjaan

Tahap Kemahiran	Gaji Pokok Permulaan	Bilangan Tajuk Pekerjaan Disenaraikan dalam Panduan ini
SKM T1	RM1,130.00 + (α)	5
SKM T2	RM1,250.00 + (α)	20
SKM T3	RM1,510.00 + (α)	83
DKM T4	RM1,830.00 + (α)	21
DLKM T5	RM2,270.00 + (α)	19

Gaji Pokok Permulaan



Gaji pokok permulaan ialah **gaji pokok** yang dibayar kepada seorang pekerja berkelulusan kemahiran yang **baru memulakan** atau **pertama kali** memasuki alam pekerjaan **tanpa pengalaman kerja** yang relevan dengan jawatan yang disandang. Gaji pokok ini **tidak termasuk apa-apa elaun** atau imbuhan lain dan tidak mengambil kira faktor-faktor seperti lokasi dan saiz syarikat, jenis industri dan keupayaan kewangan syarikat.

Gaji Pokok Permulaan dan Alfa (α)

- 1 Gaji pokok permulaan mengandungi dua nilai iaitu **nilai tetap** (kadar gaji minimum semasa, tempoh pengajian dan nilai sehari pengajian) dan **nilai Alfa (α)** berdasarkan lesen atau sijil kompetensi tambahan (seperti di muka surat 5 dan 6).
- 2 Lulusan Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia digalakkan untuk mendapatkan lesen dan sijil kompetensi tambahan ini agar memperoleh gaji yang jauh lebih tinggi berbanding mereka yang mempunyai SKM dan DKM sahaja.
- 3 Lesen dan sijil kompetensi tambahan yang dikeluarkan oleh badan-badan kompeten seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Alam Sekitar atau agensi-agensi lain yang diiktiraf di Malaysia atau di peringkat antarabangsa.

Contoh lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dikeluarkan oleh badan-badan kompeten adalah seperti berikut:

Bil.	Badan Kompeten	Bidang	Contoh Sijil/Lesen
1	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	•Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	•Sijil Pendaftaran Pengendali Perancah •Sijil Pendaftaran Operator Kren
2	Suruhanjaya Tenaga (ST) (Semenanjung Malaysia & Sabah)/ Electrical Inspectorate Unit (EIU) (Sarawak)	•Elektrikal dan Janakuasa	•Electrical Competent Person (AO-A4)
3	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	•Pembinaan	•Green Card CIDB
4	Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)	•Kawalan Kualiti	•Personnel Competency Assessment for Welder Certification Scheme •Lean Six Sigma Green/ Black Belt
5	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)	•Perkhidmatan Air	•Tukang Paip Permit (A1, A2)
6	Jabatan Alam Sekitar (JAS)	•Pengurusan Sisa •Pendingin Hawa	•Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management •Handling Refrigerant, chlorofluorocarbon (CFC) and hydrofluorocarbon (HFC)
7	TWI Technology (S.E.Asia) Sdn Bhd (TWI)	•Kimpalan •Ujian Tanpa Musnah	•The Certification Scheme for Personnel
8	SMTC Malaysia	•Keselamatan Pekerjaan Luar Pesisir	•Basic Offshore Safety Induction and Emergency Training (BOSIET)

Bil.	Badan Kompeten	Bidang	Contoh Sijil/Lesen
9	Cisco System, Inc. (CISCO)	•Teknologi Maklumat	•Cisco Certified Network Associate (CCNA) •Cisco Certified Network Professional (CCNP) •Cisco Certified Entry Networking Technician (CCENT)
10	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia	•Tenaga Mampan	•Solar PV Installer and Maintenance
11	Telekom Malaysia	•Telekomunikasi	•Certificate of Proficiency (Fiber optic) •Indoor Copper Installation (CA2A) •Outdoor Copper Installation (CA1A) •Fiber Installation (CA2C)



Pensijilan Kemahiran Malaysia

Pensijilan Kemahiran Malaysia adalah berteraskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS). Setiap pelajar akan dinilai dan disahkan telah memenuhi keperluan NOSS sebelum dianugerahkan dengan Pensijilan Kemahiran Malaysia.

Kriteria dan standard sijil kemahiran dikaitkan dengan kelayakan yang lebih tinggi untuk membolehkan pelajar lulusan sijil dan diploma kemahiran memajukan diri daripada separuh mahir kepada mahir sehingga ke fasa Penyeliaan dan Pengurusan & Rekabentuk. Aliran kemahiran yang disediakan oleh institusi kemahiran menyediakan pelajar-pelajar dengan kemahiran tertentu yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan.

Rajah di bawah menunjukkan perkaitan antara fungsi pekerjaan, tahap kemahiran dan kelayakan akademik.

	FUNGSI PEKERJAAN	PENSIJILAN KEMAHIRAN	KELAYAKAN AKADEMIK
	Pengurusan & Rekabentuk	DLKM T5	Diploma Lanjutan
	Penyeliaan	DKM T4 SKM T3	Diploma
	Operasi & Pengeluaran	SKM T2 SKM T1	

KUMPULAN SASAR



Pencari Kerja



Agensi Kerajaan



Majikan



Kesatuan Sekerja



Pelajar



Penyedia Latihan



Graduan




**Kaunselor
Kerjaya**



Pengajar



Ibu Bapa



BAB 2

Tajuk Pekerjaan



Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 SKM T1

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
1	Pekerja Kepingan Logam	Membuat, memasang, dan membaiki pulih barangan dan bahagian yang dibuat daripada kepingan logam	Pemesinan & Peralatan	
2	Pekerja Binaan Bata	Menerap batu bata untuk membina dinding, sesekat, gerbang dan struktur lain	Bangunan & Pembinaan	
3	Pekerja Struktur Keluli	M e m a s a n g , mendirikan, membuka rangka logam struktur pada bangunan dan struktur lain	Bangunan & Pembinaan	
4	Tukang Jahit	Membuat dan membaiki sut atau pakaian	Tekstil & Pakaian	
5	Jurufandri	Melebur dan m e m p r o s e s penuangan logam	Pemesinan & Peralatan	

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).



Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 **SKM T2**



UN U14.6

UN U14.7

UN

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
6	Mekanik	Memasang, menservis dan membaiki pulih kenderaan bermotor	Pengangkutan	
7	Mekanik Kelengkapan Penyaman Udara	Membaiki pulih dan menyelenggara kelengkapan penyaman udara dan penyejukan	Perkhidmatan & Penyelenggaraan Mekanikal & Elektrik	
8	Pekerja Kepingan Logam	Membuat, memasang, dan membaiki pulih barangan dan bahagian barangan yang dibuat daripada kepingan logam	Pemesinan & Peralatan	
9	Juruelektrik*	Memasang, mengendali dan membaiki pulih kerosakan litar elektrik	Elektrik & Elektronik	
10	Pembaik Elektronik	Membaiki peralatan dan mesin elektronik	Elektrik & Elektronik	
11	Pendawai Elektrik*	Memasang dan menyelenggara sistem dan litar pendawaian	Elektrik & Elektronik	
12	Jurufaundri	Melebur dan memproses penuangan logam	Pemesinan & Peralatan	

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

*Perlu pensijilan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) (Semenanjung Malaysia & Sabah)/ Electrical Inspectorate Unit (EIU) (Sarawak)

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
13	Pelukis Pelan	Menyediakan lukisan, peta dan ilustrasi teknikal daripada lakaran, ukuran dan data lain	Bangunan & Pembinaan	
14	Jurugegas Paip	M e n c a n t u m k a n , memasang, membaik pulih dan menyelenggara sistem perpaipan	Bangunan & Pembinaan	
15	Pekerja Binaan Bata	Menerap batu bata untuk membina dinding, sesekat, gerbang, dan struktur lain	Bangunan & Pembinaan	
16	Jurugegas Elektrik Motor dan Dinamo	M e l a r a s k a n , membetulkan dan membaik pulih pelbagai jenis jentera dan motor elektrik	Bangunan & Pembinaan	
17	Pekerja Keluli Struktur	Memasang, mendirikan dan membuka rangka logam struktur pada bangunan dan struktur lain	Bangunan & Pembinaan	
18	Penjaga Stor	Menjaga rekod stor, menerima bahan dan melapor apabila stok rendah	Industri Perkhidmatan Logistik Bersepadu	
19	Kerani Pejabat	M e l a k s a n a k a n pelbagai tugas perkeranian dan pentadbiran sokongan	Perniagaan & Pengurusan	

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS
20	Tukang Jahit	Membuat dan membaiki sut atau pakaian	Tekstil & Pakaian 
21	Pendandan Rambut	Mencuci, memotong, merawat, mewarna dan menggayakan rambut	Hospitaliti & Pelancongan 
22	Jurusolek	Mengenakan alat solek untuk menyerikan lagi penampilan pelanggan	Hospitaliti & Pelancongan 
23	Pemandu Pelancong*	Memandu arah perjalanan individu atau kumpulan melancong (semula jadi, setempat)	Hospitaliti & Pelancongan 
24	Pembantu Perikanan	Menjalankan uji kaji berkaitan dengan p e m b a n g u n a n perikanan	Pertanian & Asas Tani 
25	Pembantu Veterinar	Membantu doktor untuk melaksanakan rawatan	Perubatan & Farmaseutikal 

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

*Perlu perlesenan daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.



Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 SKM T3

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS
26	Juruteknik Elektrik	Menjalankan tugas teknikal dalam penyelenggaraan peralatan dan litar elektrik	Elektrik & Elektronik
27	Juruteknik Elektronik	Menjalankan tugas teknikal dalam penyelenggaraan peralatan dan litar elektrik	Elektrik & Elektronik
28	Juruteknik Automasi Robot	Menjalankan tugas teknikal dalam penyelenggaraan automasi robotik	Pemesinan & Peralatan
29	Juruteknik CNC	Mengawal selia operasi mesin larik CNC menggunakan sistem CAD / CAM	Pemesinan & Peralatan
30	Juruteknik Mekanikal	Menjalankan tugas teknikal dalam penyelenggaraan komponen dan peralatan mekanikal	Pemesinan & Peralatan
31	Juruteknik Mekatronik	Menjalankan tugas teknikal dalam penyelenggaraan komponen mekanikal serta elektrik, elektronik dan teknologi maklumat ke dalam mesin	Pemesinan & Peralatan
32	Juruteknik Automotif	Menjalankan tugas teknikal berkaitan dengan enjin kenderaan	Pengangkutan
33	Juruteknik Mesin	Menjalankan tugas teknikal dalam penyelenggaraan mekanikal dan mesin	Pemesinan & Peralatan

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS
34	Juruteknik Sistem Penyejukan dan Penyaman Udara	Menjalankan tugas teknik dalam penyelenggaraan alat p e m a n a s a n , pengalihan dan penyejukan	Perkhidmatan & Penyelenggaraan Mekanikal & Elektrik 
35	Juruteknik Proses Kimia	Menjalankan tugas teknik dalam penyelenggaraan proses kimia	Kimia 
36	Juruteknik Instrumen Perindustrian	Menjalankan tugas teknik dalam penyelenggaraan penentuan instrumen	Minyak & Gas 
37	Penyelia Elektrik*	Menyelia operasi penyelenggaraan dan pembaikpulihan sistem dan kelengkapan elektrik	Elektrik & Elektronik 
38	Pembantu Makmal Sains Fizik	Membantu dalam penyelidikan sains kimia fizik	Kimia 
39	Juruteknik Penapisan Petroleum	Menjalankan tugas teknik berkaitan p e m p r o s e s a n petroleum	Minyak & Gas 
40	Juruteknik Pemprosesan Makanan	Menjalankan tugas teknik berkaitan pemprosesan makanan	Pertanian & Asas Tani 
41	Juruteknik Kejuruteraan Kecekapan Industri	Menjalankan tugas teknik berkaitan p e r a n c a n g a n , pengeluaran dan urutan operasi	Pengangkutan 

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

*Perlu pensijilan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) (Semenanjung Malaysia & Sabah)/ Electrical Inspectorate Unit (EIU)(Sarawak)

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
42	Juruteknik Kejuruteraan Keselamatan	Menjalankan tugas teknikal berkaitan dengan faktor persekitaran dan keselamatan di tempat kerja	Landskap & Alam Sekitar	
43	Juruteknik Biologi	Menjalankan tugas teknikal dalam menjalankan penyelidikan, analisis, dan pengujian organisma hidup	Kimia	
44	Juruteknik Semikonduktor	Menjalankan tugas teknikal berkaitan pembuatan semikonduktor elektronik	Elektrikal & Elektronik	
45	Juruteknik Pengekstrakan Petroleum dan Gas Asli	Menjalankan tugas teknikal berkaitan pengekstrakan petroleum dan gas asli	Minyak & Gas	
46	Juruteknik Kejuruteraan Susun Atur Industri	Menjalankan tugas-tugas teknikal berkaitan dengan susun atur proses dan standard industri	Perkhidmatan & Penyelenggaraan Mekanikal & Elektrikal	
47	Mekanik Enjin Pesawat	Membaik pulih dan menyelenggara keadaan operasi enjin pesawat udara	Pengangkutan	
48	Mekanik Jentera	Membaik pulih dan menyelenggara jentera pengeluaran dan pemrosesan	Pengangkutan	
49	Mekanik Kelengkapan Penyaman Udara	Membaik pulih dan menyelenggara kelengkapan penyaman udara dan penyejukan	Perkhidmatan & Penyelenggaraan Mekanikal & Elektrik	

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
50	Jurukimpal	Mengimpal dan memotong bahagian logam untuk meleburkan, memotong atau melakurkan logam	Pemesinan & Peralatan	
51	Jurukimpal Paip Gas	Memateri dan mencantumkan bahagian logam dan menyelenggara sistem pemasangan paip gas	Pemesinan & Peralatan	
52	Penjaga Voltan Tinggi Pengehadan*	Menyelenggara dan memperbaiki kerosakan perkakas suis elektrik voltan tinggi	Elektrik & Elektronik	
53	Juruelektrik*	Memasang, mengendali dan membaiki pulih kerosakan litar elektrik	Elektrik & Elektronik	
54	Pembaik Elektronik	Membaiki peralatan dan mesin elektronik	Elektrik & Elektronik	
55	Pendawai Elektrik*	Memasang dan menyelenggara sistem dan litar pendawaian	Elektrik & Elektronik	
56	Juruteknik Faundri	Menjalankan tugas teknikal dalam proses peleburan dan penuangan logam	Pemesinan & Peralatan	
57	Juruteknik Jentera Perindustrian	Menjalankan tugas teknikal dalam penyelenggaraan jentera perindustrian	Pengangkutan	

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

*Perlu pensijilan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) (Semenanjung Malaysia & Sabah)/ Electrical Inspectorate Unit (EIU)(Sarawak)

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
58	Penyunting	Menyunting karya-karya sastra untuk penerbitan dan persembahan drama	Teknologi Maklumat & Komunikasi	
59	Juruteknik Laman Web	Menyelenggara dan menyokong fungsi optimum laman web Internet	Teknologi Maklumat & Komunikasi	
60	Juruteknik Rangkaian Komputer	Menyelenggara sistem rangkaian dan komunikasi data	Teknologi Maklumat & Komunikasi	
61	Juruteknik Ukur Bahan	Menjalankan tugas teknikal berkenaan bahan dan kelengkapan yang cekap, selamat dan menjimatkan	Bangunan & Pembinaan	
62	Juruteknik Kejuruteraan Awam	Menjalankan tugas teknikal dalam pembinaan dan pembaikan bangunan dan struktur	Bangunan & Pembinaan	
63	Penyelia Tapak	Menyelaras dan menyelia aktiviti pembinaan	Bangunan & Pembinaan	
64	Pelukis Pelan	Menyediakan lukisan, peta dan ilustrasi teknikal daripada lakaran, ukuran dan data lain	Bangunan & Pembinaan	

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
65	Juruteknik Landskap	Menyediakan pelan landskap dan lukisan kerja bagi pembinaan landskap	Landskap & Alam Sekitar	
66	Jurugegas Paip	Menca nt u m k a n , memasang, membaik pulih, dan menyelenggara sistem perpaipan	Bangunan & Pembinaan	
67	Pemeriksa Keselamatan dan Kesihatan Pencemaran	Memeriksa persekitaran yang boleh memberi kesan kepada kesihatan manusia dan keselamatan di tempat kerja	Landskap & Alam Sekitar	
68	Tukang Plaster	Memasang dan menyelenggara papan lepa pada bahagian dalam dan luar struktur	Bangunan & Pembinaan	
69	Jurutali Peralatan Angkat	Memasang dan menyelenggara kabel, tali dan dawai	Bangunan & Pembinaan	
70	Penyelia Pengeluaran	Menyelia merancang dan kerja operasi pengeluaran	Pengurusan Bisnes	
71	Juruteknik Kawalan Kualiti	Memeriksa dan memastikan semua kerja dilaksanakan menurut arahan	Pemesinan & Peralatan	
72	Penyelia Kawalan Kualiti	Menyelia kerja harian dan mengawal kualiti produk	Pemesinan & Peralatan	

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS
73	Juruteknik Pengeluaran	Menjalankan tugas teknikal berkenaan perancangan dan penyeliaan pengeluaran	Pemesinan & Peralatan 
74	Juruteknik Penyelenggaraan Industri	Menjalankan tugas teknikal berkenaan penyelenggaraan mesin industri	Perkhidmatan & Penyelenggaraan Mekanikal & Elektrik 
75	Pemeriksa Kualiti Produk	Memeriksa kualiti produk yang dihasilkan	Pemesinan & Peralatan 
76	Tukang Jahit	Membuat dan membaiki sut atau pakaian	Tekstil & Pakaian 
77	Pembuat Acuan	Membuat acuan dan teras untuk tuangan logam	Pemesinan & Peralatan 
78	Penyembur Cat	Mengecat, menyapu varnis dan melapis perlindungan yang lain pada kenderaan	Pengangkutan 
79	Jurumesin Industri	Mengendalikan mesin, peralatan mesin dan menyediakan mesin sebelum pengeluaran	Perkhidmatan & Penyelenggaraan Mekanikal & Elektrik 
80	Penyelia Penyelenggaraan	Menyelia dan menyelenggara operasi pengeluaran industri	Perkhidmatan & Penyelenggaraan Mekanikal & Elektrik 

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
81	Juruteknik Telekomunikasi	M e m a s a n g , menyelenggara dan membaiki pulih r a n g k a i a n telekomunikasi dan penyiaran	Teknologi Maklumat & Komunikasi	
82	Juruteknik Komputer	Menyelenggara sistem dan aplikasi serta operasi sistem pengkomputeran	Teknologi Maklumat & Komunikasi	
83	Juruperalatan Radio Penerbangan	Mengawal fungsi teknikal peralatan imej dan bunyi bagi siaran radio dan televisyen	Elektrik, Elektronik & Telekomunikasi & Industri Penyiaran	
84	Juruteknik Teknologi Maklumat	Menjalankan tugas teknikal dan m e n y e l e n g g a r a perisian, perkakasan dan kelengkapan komputer	Teknologi Maklumat & Komunikasi	
85	Juruteknik Sistem Maklumat	Menjalankan tugas teknikal dan menyelenggara sistem komputer	Teknologi Maklumat & Komunikasi	
86	Pembantu Komputer	Memberi bantuan teknikal berkaitan penyelenggaraan k e l e n g k a p a n komputer	Teknologi Maklumat & Komunikasi	
87	Pembantu Komunikasi (ICT)	M e n j a w a b pertanyaan pengguna berhubung dengan operasi perisian dan perkakasan	Teknologi Maklumat & Komunikasi	

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
88	Jurumasak	Merancang menu, menghasilkan hidangan dan memantau kualiti makanan	Hospitaliti & Pelancongan	
89	Juruhias Dalam	Merancang dan mereka bentuk hiasan dalam bangunan dan kediaman	Hiasan Dalam	
90	Pendandan Rambut	Mencuci, memotong, merawat, mewarna dan menggayakan rambut	Hospitaliti & Pelancongan	
91	Terapi Spa	Mengurut muka dan badan	Hospitaliti & Pelancongan	
92	Jurusolek	Mengenakan alat solek untuk menyerikan lagi penampilan pelanggan	Hospitaliti & Pelancongan	
93	Juruestetika	Memberikan rawatan kecantikan, dan mencadangkan rawatan yang sesuai	Hospitaliti & Pelancongan	
94	Pemandu Pelancong*	Memandu perjalanan individu atau kumpulan (bandar) arah melancong	Hospitaliti & Pelancongan	
95	Juruteknologi Makmal Perubatan	Menjalankan ujian makmal untuk urusan pendiagnosan, rawatan dan penyelidikan penyakit	Perubatan & Farmaseutikal	

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
96	Pembantu Perikanan	Menjalankan uji kaji berkaitan dengan pembinaan perikanan	Pertanian & Asas Tani	
97	Pembantu Veterinar	Membantu doktor haiwan untuk melaksanakan operasi rawatan	Perubatan & Farmaseutikal	
98	Penyelia Ladang	Menyelia dan merancang operasi menanam dan menuai pelbagai jenis tanaman ladang	Pertanian & Asas Tani	
99	Pembiak Baka Haiwan Ternakan	Menjalankan kerja pembiakan ternakan dan membantu kelahiran haiwan	Pertanian & Asas Tani	
100	Pembantu Pertanian	Menjalankan uji kaji dan analisis berkaitan dengan pembangunan pertanian	Pertanian & Asas Tani	
101	Juruteknik Penyelidikan Tanaman	Menjalankan tugas teknikal dan penyelidikan berkaitan tanaman	Pertanian & Asas Tani	
102	Pentaksir	Menilai harta dan pelbagai barangan serta menaksir kerugian	Pengurusan Bisnes	
103	Setiausaha	Menyemak, memformat dan menyalin surat-menyurat, minit dan laporan	Pengurusan Bisnes	

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS
104	Pembantu Akaun	M e n g h i t u n g , mengelaskan dan merekodkan data berangka untuk memastikan rekod keuangan lengkap	Pengurusan Bisnes 
105	Pembantu Wartawan	M e m b a n t u menyampaikan berita melalui akhbar, televisyen, radio dan media lain	Percetakan 
106	Pembantu Kewangan	Memberi bantuan dalam penyediaan unjuran aliran tunai dan peruntukan bajet	Pengurusan Bisnes 
107	Penyelia Pentadbiran	Menyelia dan menjalankan tugas-tugas pentadbiran di peringkat kumpulan sokongan	Pengurusan Bisnes 
108	Kerani Pejabat	Melaksanakan pelbagai tugas perkeranian dan pentadbiran sokongan	Pengurusan Bisnes 

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).



Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4

DKM T4

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
109	Penolong Jurutera Awam	Menyediakan reka bentuk dan spesifikasi untuk pembinaan	Bangunan & Pembinaan	
110	Penolong Jurutera Mekatronik	Menjalankan tugas teknikal dalam teknologi kejuruteraan elektronik, komputer dan mekanikal	Pemesinan & Peralatan	
111	Penolong Jurutera Elektrik	Menyediakan reka bentuk dan terlibat dalam proses penyelenggaraan sistem dan kelengkapan elektrik	Elektrik & Elektronik	
112	Penolong Jurutera Elektronik Industri	Menyediakan reka bentuk, memasang, menyelenggara dan membaiki pulih sistem dan kelengkapan elektronik	Elektrik & Elektronik	
113	Penolong Jurutera Automasi Perindustrian	Menyediakan reka bentuk dan menyelenggara automasi perindustrian	Pemesinan & Peralatan	
114	Penolong Jurutera Kimpalan	Menyediakan reka bentuk dan terlibat dalam proses kimpalan	Pemesinan & Peralatan	
115	Penolong Jurutera Peralatan	Menyediakan reka bentuk, dan menambah baik pelbagai jenis peralatan	Pemesinan & Peralatan	
116	Juruteknik Elektrik Voltan Tinggi*	Menjalankan tugas-tugas teknikal dalam penyelenggaraan elektrik voltan tinggi	Elektrik & Elektronik	

Nota:

Gaji pokok yang dicadangkan ini tidak termasuk apa-apa elaun atau imbuhan lain. α ialah nilai tambah kepada gaji pokok permulaan yang merangkumi lesen atau sijil kompetensi tambahan yang dimiliki (jika ada).

*Perlu pensijilan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) (Semenanjung Malaysia & Sabah)/ Electrical Inspectorate Unit (EIU) (Sarawak)

Bil.	Tajuk Pekerjaan	Deskripsi Tugas	Sektor NOSS	
